

Malaysia masih perlukan 10,000 lembu tenusu

Oleh **NURUL HUDA HASSAN**
huda.hassan@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 5 MAC

NEGARA masih memerlukan sebanyak 10,000 ekor lembu tenusu lagi bagi memenuhi pengeluaran susu tempatan, sekali gus diharap dapat mengurangkan kebergantungan terhadap susu import.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, usaha tersebut sedang dijalankan dan pihaknya berharap pelaksanaannya dapat dilakukan dalam tempoh dua hingga tiga tahun ini.

Beliau berkata, pada masa ini negara mempunyai 20,000 hingga 30,000 ekor lembu tenusu dan jumlah berkenaan masih belum mencukupi bagi menampung permintaan produk tenusu yang meningkat kira-

kira lima peratus setahun.

"Pada masa ini keperluan susu cair negara sebanyak 50 juta liter setahun dan daripada jumlah itu 34 juta liter dihasilkan dalam negara dan kita mengimport 16 juta liter dari Australia dan New Zealand.

"Jadi, bagi mengurangkan kebergantungan susu cair import, kita memerlukan sebanyak 10,000 ekor lagi lembu tenusu," katanya selepas melawat Syarikat Allied Dairy Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Larkin, di sini hari ini.

Ahmad Shabery berkata, usaha menambah bilangan lembu tenusu itu bakal melibatkan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi membangunkan pelbagai infrastruktur termasuk pembinaan kandang.

Selain itu, katanya, kerajaan juga memperkenalkan program projek permulaan (EPP) 13-Kluster Tenusu pada 2011 dalam usaha meningkat-

kan pengeluaran susu tempatan dan mengurangkan kebergantungan import.

Menerusi program di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian itu, sebanyak tiga syarikat peneraju telah dilantik iaitu Allied Dairy di Johor, Evergreen Livestock Sdn. Bhd. (Sabah) dan ADMC Dairy Farm Sdn. Bhd. di Kedah.

"Di bawah program itu, penternak susu kluster syarikat peneraju menerima pelbagai bantuan seperti lembu tenusu, tangki susu dan pemanas air solar dan susu yang dihasilkan akan dibeli semula syarikat peneraju sebelum diproses," katanya.

Menurutnya, nilai eksport susu dan produk tenusu pada 2013 adalah sebanyak RM957.35 juta manakala jumlah import adalah RM3.27 bilion.



AHMAD SHABERY CHEEK (kiri) mengepam keluar susu segar dari sebuah lori tangki semasa melawat syarikat Allied Dairy Sdn. Bhd. di Johor Bahru, Johor, semalam. Turut kelihatan, dari kanan, Pengarah Milk Company Sdn Bhd., Loi Tuan Ee; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Johor Pengarah Operasi The Holstein Milk, Azmi Zainal. - MINGGUAN/ISHAK RAHMAD